

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, August 5, 2019 9:57 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 157 Pegawai Kadet PALAPES UUM Terima Watikah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

05 OGOS 2019 / 04 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

157 PEGAWAI KADET PALAPES UUM TERIMA WATIKAH



UUM ONLINE: Tunku Mahkota Johor, Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Sultan Ibrahim, berkenan mengurniakan watikah tauliah dengan pangkat Leftenan Muda kepada Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) pada Istiadat Pengurniaan Tauliah Pegawai Muda PALAPES Universiti Awam ke-38 yang berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Mahasiswa UUM antara 1,560 orang yang dikurniakan watikah tauliah sempena Istiadat Pentauliah DiRaja Pegawai Kadet Palapes Universiti Awam ke-38.

Turut hadir menyaksikan istiadat tersebut, Komandan PALAPES UUM, Kolonel (K) Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani.

Ketua Jurulatih PALAPES UUM, Mejar Sabri Ahmad berkata, pada istiadat ini seramai 157 orang Pegawai Kadet PALAPES UUM menerima watak tauliah.

“Daripada jumlah itu 81 merupakan Pegawai Kadet Tentera Darat Malaysia, 30 Pegawai Kadet Tentera Laut Diraja Malaysia dan 46 orang Pegawai Kadet Tentera Udara Diraja Malaysia.

“Mereka telah berkampung di sini sejak 20 Julai hingga 3 Ogos dan sepanjang tempoh itu pegawai kadet yang akan ditauliahkan menjalani latihan kawad pentauliahkan sepenuhnya di samping latihan lain seperti *ice breaking*, sukan dan persembahan yang dijalankan secara berkumpulan daripada pelbagai universiti di seluruh Malaysia,” katanya.

Ujarnya, melalui aktiviti ini, mereka bukan sahaja hadir ke UTM semata-mata untuk ditauliahkan, malah dapat menjalin persahabatan dengan pegawai kadet dari universiti yang berbeza.

“Pengalaman yang diperoleh setiap pegawai kadet sepanjang 3 tahun latihan dalam PALAPES bukanlah sesuatu pengalaman yang dapat dirasakan oleh semua orang.

“Setiap latihan yang dilalui tidak mudah seperti yang disangkakan kerana kedua-dua kekuatan mental dan fizikal diperlukan setiap masa sepanjang menjalani latihan.

“Ini kerana semangat bekerjasama antara satu sama lain telah diterapkan dalam setiap aktiviti yang diadakan serta wujudnya semangat setia kawan apabila mereka bersama-sama mengharungi setiap kesusahan dan cabaran,” katanya.

Menurutnya, latihan ini penting dalam melahirkan PALAPES yang cergas, berdisiplin dan melaksanakan tugas dengan berkesan, berkeyakinan, membuat keputusan tepat, menerapkan sikap tanggungjawab dan kerjasama ketika melaksanakan tugas.

Para pegawai kadet juga merupakan kumpulan contoh anak muda daripada pelbagai kaum dan bangsa yang bukan sahaja berilmu pengetahuan, tinggi akal budi serta mantap pekertinya, tetapi juga mempunyai kemahiran dalam ketenteraan bagi mengalas tanggungjawab dalam membantu mempertahankan kedaulatan tanah air tercinta.

Majlis dimulakan dengan Istiadat Perbarisan Pentauliahkan Diraja yang berlangsung di Dataran UTM pada jam 8.30 pagi dimulakan dengan sesi menerima Tabik Hormat Komandan Palapes UTM, sesi menerima Tabik Hormat Timbalan Panglima Tentera Laut, Udara dan Darat, sesi menerima Tabik Hormat Timbalan Menteri Pertahanan dan seterusnya menerima Tabik Hormat Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor.

Selesai sesi Istiadat Perbarisan di Dataran UTM, majlis diteruskan dengan sesi Istiadat Pengurniaan Watak Pentauliahkan Diraja Pegawai Kadet yang berlangsung di Dewan Sultan Iskandar, UTM dan diakhiri dengan Penyerahan Skrol oleh Pegawai Kadet kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail, Tunku Mahkota Johor.

Hadir sama Timbalan Menteri Pertahanan, YB Senator Liew Chin Tong; Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato’ Hasagaya Abdullah; Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Datin Paduka Prof. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir; Naib-Naib Canselor Universiti Awam, para pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia, para pegawai kanan Universiti Awam dan para pegawai Angkatan Tentera Malaysia.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.